

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN

KLANG 2035

(PENGANTIAN)

RINGKASAN EKSEKUTIF

PLANMalaysia

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA)



DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN **KLANG 2035** (PENGANTIAN)

RINGKASAN EKSEKUTIF



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS
PERBANDARAN KLANG 2035 (PENGANTIAN) INI
DISEDIAKAN SELARAS DENGAN PERUNTUKAN
SUBSEKSYEN 16 AKTA PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA 1976 (AKTA 172)

JANUARI 2019



ISI

**DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS
PERBANDARAN KLANG 2035 (PENGANTIAN)**

KANDUNGAN

BAB 01	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	5
	1.2 Sejarah Pembangunan Kawasan RTMPK	5
	1.3 Profil Kawasan RTMPK	7
	1.4 Dimensi Pembangunan	9
BAB 02	PROFIL PEMBANGUNAN SEMASA	
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Isu dan Masalah Utama	11
	2.3 Unjuran Pembangunan 2035	12
BAB 03	STRATEGI PEMBANGUNAN	
	3.1 Pengenalan	13
	3.2 Tema, Wawasan dan Strategi Pembangunan	14
	 Dimensi Guna Tanah dan Sumber Asli Optimum	
	 Dimensi Ekonomi Berdaya Saing	
	 Dimensi Komuniti Sejahtera	
	 Dimensi Persekitaran Berkualiti	
	 Dimensi Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien	
	 Dimensi Governans Efektif	



DIMENSI
6

SUB-STRATEGI
30

CADANGAN
120

RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN

KLANG 2035
(PENGANTIAN)



ژندوان سندي ڪوتوان



BAB
1
PENDAHULUAN


1.1 PENGENALAN

Rancangan Tempatan (RT) merupakan satu **peta dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan** untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian), dikenali sebagai RTMPK 2035 (Penggantian) ini merupakan laporan rancangan pembangunan dan pelan perancangan yang baru untuk menggantikan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pubahan 4) 2020.

1.2 SEJARAH PEMBANGUNAN KAWASAN RTMPK 2035

Klang merupakan petempatan tertua di Malaysia (Tanah Melayu) yang menyimpan pelbagai sejarah dan peninggalan artifak penting bagi pembangunan peradaban manusia. Asal usul nama Klang diambil dari aktiviti perdagangan dan pelabuhan yang pesat di Klang pada masa itu iaitu "Klong" yang membawa maksud "gudang" dalam bahasa Mon-Khymer dimana Klang diertikan sebagai sebuah pelabuhan terpenting yang mempunyai banyak gudang yang digunakan bagi aktiviti perdagangan. Perincian garis masa pembangunan Klang ini boleh dilihat pada rajah dibawah.



ABAD KE-14 & 15
(1300-1500)


Penemuan data arkeologi dan artifak di Klang pada 1905 merupakan asas kepada kewujudan



ZAMAN PRA KESULTANAN MELAYU

masyarakat pada Zaman Neolitik dan Logam yang didakwa wujud sekitar 2,500 tahun dahulu dan seterusnya zaman Kerajaan Majapahit iaitu kira-kira 600 tahun dahulu. Berasaskan manuskrip Melayu, Klang wujud sebagai pusat perdagangan yang penting kerana antara bijih timah yang bermutu dilombong di sepanjang Sungai Klang. Malah Sungai Klang juga merupakan pintu masuk utama ke pedalaman Tanah Melayu melalui Lembah Klang.

Tahun
1300 - 1500



ABAD KE-16 & KE-17
(1600-1800)

Pada 1903, Klang telah menjadi pusat pemerintahan Sultan Selangor di Istana Mahkota Puri.



ZAMAN PEMBENTUKAN KESULTANAN SELANGOR

Pada masa yang sama, kebudayaan Melayu juga mula berkembang. Penubuhan kawasan petempatan seperti Teluk Kapas, Rantau Panjang, Meru, Kapar dan Bukit Raja merupakan antara petempatan awal di sepanjang Sg. Klang dan Selangor. Berdasarkan catatan sejarah, Belanda telah memperlihatkan Klang sebagai tapak pengeluaran bijih timah yang utama di Tanah Melayu. Aktiviti bijih timah ini telah menarik masuk masyarakat Bugis dan Makasar.

Tahun
1600 - 1800




Tahun
1801-1957

**ZAMAN
PENJAJAHAN
BRITISH**



Kehadiran British ke Klang telah mengubah senario kawasan ini dengan

memperkenalkan sistem jalan raya, keretapi dan sistem pos pada tahun 1880-an. Bandar Klang menjadi pusat pentadbiran negeri Selangor berikutan perantaraan Residen pertama J.G Davison. Kesannya, unit pentadbiran ditempatkan di Klang. Antara bangunan yang masih wujud adalah, Kota Mahadi, Gedung Raja Abdullah dan juga stesen kereta api. Pada tahun 1901, Pelabuhan Swettenham dibuka dan dihubungkan dengan keretapi sehingga ke Kuala Lumpur.




Tahun
1957

**KEMERDEKAAN DAN
PEMBENTUKAN
MALAYSIA**

Kemerdekaan pembentukan Malaysia telah memperlihatkan

perkembangan sistem pengangkutan yang telah menyumbang kepada perebakan bandar pembangunan petempatan baru yang tidak hanya tertumpu di kawasan sungai, malah ke kawasan utara seperti Meru dan Kapar. Selain itu, pembinaan Jambatan Kota menghubungkan dua kawasan yang dipisah oleh Sungai Klang dan ini membuka kawasan baru untuk pembangunan dan pembesaran pusat bandar Klang dan kawasan yang berdekatan.




Tahun
1970

**PEMODENAN
MALAYSIA DAN
CONTAINERISATION**



Pada tahun 1970-an, peningkatan aktiviti kontena telah membawa kepada perkembangan dalam industri logistik di Klang dan Selangor. Selain daripada pelabuhan, perkembangan dari segi infrastruktur seperti lebuh raya, penambahbaikan sistem rel dan kemudahan awam turut meningkatkan kependudukan di Klang. Ini telah menyumbang kepada perkembangan kawasan petempatan awal seperti Kapar, Meru dan juga Pusat Bandar Klang berkembang. Disebabkan kepesatan di kawasan tanah besar, Pulau Indah turut berkembang dan menjadi kawasan industri.




Tahun
2000-2018

**KLANG SEBAGAI
PERBANDARAN PADA
ABAD KE-21**




Dalam konteks hari ini, Klang merupakan bandar yang mempunyai sistem pengangkutan yang moden serta pemacu kepada ekonomi Selangor disamping wujudnya pelabuhan ke-12 terbesar di dunia, iaitu Pelabuhan Klang. Kedudukan Klang yang strategik ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang menguntungkan menyebabkan Klang dianggap sebagai pelabuhan yang berdaya saing. Sistem perhubungan yang semakin maju serta perhubungan rel LRT 3 dari Kuala Lumpur ke Klang akan terus meningkatkan imej Klang sebagai bandar yang berdaya saing.



1.3 PROFIL KAWASAN RTMPK

LOKASI KAWASAN RTMPK
a




Kawasan kajian RTMPK 2035 (Penggantian) terletak di barat Negeri Selangor Darul Ehsan bersempadan dengan Daerah Petaling, Daerah Kuala Langat dan Daerah Kuala Selangor. Bahagian barat kawasan kajian pula disempadani oleh Selat Melaka.

Kawasan kajian RTMPK 2035 (Penggantian) hanya melibatkan sebahagian daripada Daerah Klang di mana sempadan rasmi telah ditetapkan pada tahun 1895. Sempadan ini telah diubah sebanyak empat kali pada tahun 1890, 1945, 1954 dan 1975.

MUKIM
b

Pembangunan kawasan RTMPK ini melibatkan dua (2) mukim utama iaitu Mukim Kapar dan Mukim Klang



MALIS PERBANDARAN KLANG
C




Kawasan pembangunan bagi RTMPK 2035 (Penggantian) diurus dan dikawal oleh Majlis Perbandaran Klang. Penubuhan Majlis

Perbandaran Klang ini bermula pada bulan Mei 1890 dimana ketika itu pihak berkuasa tempatan ini dikenali sebagai Lembaga Kesihatan Klang. Beberapa tahun kemudian, Lembaga Kesihatan Klang ini telah dinaikkan taraf ke Majlis Daerah Klang dan dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan penyusunan semua penguasa tempatan, pihak berkuasa tempatan ini telah dinaikkan ke taraf Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 1 Januari, 1977.



GUNA TANAH SEMASA
d




Keseluruhan guna tanah di kawasan kajian ialah 57,380 hektar

- | | |
|--------------|----------------------------------|
| Hutan | Badan Air |
| Pertanian | Infrastruktur & Utiliti |
| Pengangkutan | Institusi & Kemudahan Masyarakat |
| Perumahan | Tanah Lapang & Rekreasi |
| Industri | Komersial |
| Tanah Kosong | |

POPULASI SEMASA
e

Sehingga akhir tahun 2017, jumlah penduduk di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang adalah seramai



891,200 orang dengan kadar isi rumah sebanyak **4.0**. Jumlah penduduk lelaki mendominasi pecahan penduduk di kawasan RT dengan jumlah sebanyak 474,200 orang berbanding perempuan iaitu seramai 417,000 orang.

PETEMPATAN UTAMA
f

Kebanyakan pembangunan dan petempatan utama di kawasan RT Klang tertumpu di beberapa bandar-bandar utama iaitu:

- | | |
|--------------------------|-----------------------|
| 1 Bandar Klang | 6 Kapar |
| 2 Pelabuhan Klang | 7 Meru |
| 3 Rantau Panjang | 8 Bukit Tinggi |
| 4 Bandar Botanic | 9 Johan Setia |
| 5 Pulau Indah | |

Sembilan (9) bandar-bandar ini menjadi tumpuan ekonomi penduduk serta menjadi pemangkin pembangunan kawasan RT.

1.4 DIMENSI PEMBANGUNAN

Pembentukan RTMPK 2035 (Penggantian) ini dilaksanakan berasaskan kepada perancangan mengikut 6 dimensi pembangunan mampan yang diperkenalkan oleh PLANMalaysia dalam sistem MURNInets.

6 dimensi ini dirangka dengan mengambil kira prinsip, strategi dan dasar pembangunan mampan seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan dasar-dasar yang digubal baik dari **empat (4) peringkat kelestarian** iaitu di peringkat global, nasional, negeri dan tempatan.

Definisi bagi setiap dimensi boleh dirumuskan seperti berikut:



Dimensi ini akan mengkaji secara terperinci mengenai komponen pembangunan fizikal yang merangkumi keperluan perancangan dan pengurusan sumberjaya bagi mencapai pembangunan mampan.

Bidang kajian berkaitan:

- Bidang Perancangan Guna Tanah



Dimensi ini akan menerangkan mengenai asas-asas dan sumber ekonomi utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Klang.

Bidang kajian berkaitan:

- Asas Ekonomi dan Pola Petempatan
- Komersial dan Perindustrian
- Pelancongan
- Pertanian, Penternakan dan Perikanan



Dimensi ini melibatkan beberapa bidang yang berkaitan dengan kependudukan, institusi, kemudahan yang menyumbang ke arah peningkatan kualiti hidup.

Bidang kajian berkaitan:

- Demografi, Guna Tenaga dan Sumber Manusia
- Perumahan dan Petempatan Desa



Dimensi ini mempunyai perkaitan untuk meningkatkan penyediaan infrastruktur dan sistem perhubungan di Klang dengan bandar-bandar lain disekitarnya.

Bidang kajian berkaitan:

- Pengurusan Lalulintas dan Pengangkutan Awam
- Infrastruktur dan Utiliti



Dimensi ini akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang memerlukan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi mewujudkan persekitaran berkualiti.

Bidang kajian berkaitan:

- Kemudahan Masyarakat dan Komuniti
- Landskap dan Reka Bentuk Bandar
- Alam Sekitar dan Perhutanan



Dimensi ini adalah melibatkan usaha-usaha ke arah penyediaan dan penambahbaikan governans yang efektif bagi memastikan matlamat pembangunan keseluruhan RTMPK 2035 (Penggantian) tercapai

Bidang kajian berkaitan:

- Penilaian Kemampanan
- Pengurusan dan Pelaksanaan
- Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Rancangan Tempatan ini mengambilkira dua belas (12) bidang kajian dan disesuaikan ke dalam enam (6) dimensi pembangunan seperti yang dilihat pada **Rajah 1**. Lima belas (15) bidang kajian ini adalah:

- A** Perancangan guna tanah
- B** Demografi, guna tenaga & sumber manusia
- C** Asas ekonomi & pola petempatan
- D** Komersial & perindustrian
- E** Perumahan & petempatan desa
- F** Kemudahan masyarakat
- G** Lanskap & reka bentuk bandar
- H** Pengurusan lalulintas & pengangkutan awam
- I** Pertanian, penternakan & perikanan
- J** Pelancongan
- K** Alam sekitar & perhutanan
- L** Infrastruktur & Utiliti
- M** Pengurusan & Pelaksanaan
- N** Penilaian Kemampanan
- O** Sistem Maklumat Geografi (GIS)



DIMENSI GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM	DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN	DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI
DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING	DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA	DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF

Rajah 1: Perkaitan Bersepadu Antara Enam (6) Dimensi Pembangunan dan Lima Belas (15) Bidang Perancangan dalam Pembangunan Mampaan
 Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)



BAB 2 PROFIL PEMBANGUNAN SEMASA

2.1 PENGENALAN

Bahagian ini merupakan ringkasan kepada penemuan profil pembangunan semasa kawasan RT Klang. Profil pembangunan semasa ini merangkumi isu dan masalah serta unjuran pembangunan utama yang menjadi asas kepada pembentukan strategi dan konsep pembangunan di kawasan RTMPK 2035 (Penggantian) yang akan dibincangkan dalam dalam Bab 3: Strategi Pembangunan.

2.2 ISU DAN MASALAH UTAMA




1 Pembangunan perancangan guna tanah lot-lot kecil yang tidak menyeluruh



2 Bilangan tapak *brownfield* and projek terbengkalai yang semakin meningkat



3 Pembangunan yang tidak mengikut piawaian kebenaran merancang seperti zon penampakan



4 Penyediaan kemudahan masyarakat, kemudahan sokongan dan infrastruktur yang kurang lengkap



5 Lokasi pembangunan perumahan dan kemudahan awam yang kurang strategik



6 Penyediaan perumahan mampu milik bagi golongan B40 dan M40 yang kurang menyeluruh



7 Kurang penekanan terhadap pembangunan ekonomi penduduk setempat



8 Kekurangan penawaran pekerjaan yang bersesuaian dengan bekalan sumber manusia sedia ada



9 Tiada ketetapan imej yang jelas bagi pembangunan di kawasan RT Klang



10 Tiada garis panduan kawalan pembangunan khusus di kawasan warisan



11 Pencerobohan kilang dan pembangunan tanpa kebenaran di kawasan pertanian



12 Kemusnahan sumber alam semulajadi dan kualiti air sungai/laut yang menjejaskan akuakultur



13 Sistem pengangkutan jalan yang merbahaya dan tidak efisien



14 Kurang penekanan terhadap penyediaan laluan pejalan kaki yang baik











15 Lambakan sisa pepejal yang tidak dikitar semula



16 Banjir kilat – penyelenggaraan longkang yang kurang baik

2.3 UNJURAN PEMBANGUNAN 2035






BAB
3
STRATEGI PEMBANGUNAN

3.1 PENGENALAN

Strategi pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dibentuk setelah mengambilkira dan menimbangkan penemuan daripada:

- i Analisis dasar dan strategi pembangunan mampan yang menjadi sasaran utama menjelang 2035;
- ii Kedudukan fizikal, ekonomi, sosial, budaya dan governans;
- iii Isu, halangan dan pembangunan semasa dan sasaran di masa depan; dan
- iv Corak tren pembangunan semasa dan potensi MPK sebagai bandaraya mampan bertaraf antarabangsa yang memenuhi aspirasi penduduk, pelawat, pentadbir, pelabur dan pengusaha, iaitu semua pihak berkepentingan.

Antara langkah-langkah dan proses yang telah diambil bagi pembentukan strategi pembangunan RTMPK 2035 adalah seperti pada **Rajah 2**.



Rajah 2: Proses Pembentukan Strategi RTMPK 2035 (Penggantian)

3.2

TEMA, WAWASAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

TEMA


Klang Bandaraya Warisan Diraja 2035



WAWASAN

MEMPERKASA KLANG SEBAGAI BANDARAYA WARISAN DIRAJA DAN PELABUHAN YANG BERDAYA SAING DI PERINGKAT GLOBAL DENGAN MENEKANKAN PEMBANGUNAN MAMPAN SECARA HOLISTIK DAN BERIMEJKAN BANDAR WARISAN DAN DIGITAL MENJELANG 2035

KONSEP & STRATEGI



STRATEGI PEMBANGUNAN KORIDOR STRATEGIK DAN PUSAT PERTUMBUHAN UTAMA

DIMENSI



DIMENSI GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM



DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING



DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA



DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI



DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGangkutan EFISIEN



DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF

SUB-STRATEGI & CADANGAN PEMBANGUNAN

SUB-STRATEGI 5.1

CADANGAN 5.1A
CADANGAN 5.1B
CADANGAN 5.1C
CADANGAN 5.1D
CADANGAN 5.1E

SUB-STRATEGI 5.2

CADANGAN 5.2A
CADANGAN 5.2B

SUB-STRATEGI 5.3

CADANGAN 5.3A

SUB-STRATEGI 6.1

CADANGAN 6.1A
CADANGAN 6.1B

SUB-STRATEGI 6.2

CADANGAN 6.2A
CADANGAN 6.2B

SUB-STRATEGI 6.3

CADANGAN 6.3A
CADANGAN 6.3B
CADANGAN 6.3C

SUB-STRATEGI 6.4

CADANGAN 6.4A
CADANGAN 6.4B

SUB-STRATEGI 6.5

CADANGAN 6.5A
CADANGAN 6.5B

SUB-STRATEGI 6.6

CADANGAN 6.6A
CADANGAN 6.6B
CADANGAN 6.6C

SUB-STRATEGI 6.7

CADANGAN 6.7A
CADANGAN 6.7B
CADANGAN 6.7C
CADANGAN 6.7D
CADANGAN 6.7E

SUB-STRATEGI 6.8

CADANGAN 6.8A
CADANGAN 6.8B

SUB-STRATEGI 6.9

CADANGAN 6.9A
CADANGAN 6.9B
CADANGAN 6.9C
CADANGAN 6.9D
CADANGAN 6.9E

SUB-STRATEGI 6.10

CADANGAN 6.10A
CADANGAN 6.10B
CADANGAN 6.10C
CADANGAN 6.10D
CADANGAN 6.10E

SUB-STRATEGI 6.11

CADANGAN 6.11A
CADANGAN 6.11B

SUB-STRATEGI 7.1

CADANGAN 7.1A
CADANGAN 7.1B

SUB-STRATEGI 7.2

CADANGAN 7.2A
CADANGAN 7.2B

SUB-STRATEGI 7.3

CADANGAN 7.3A

SUB-STRATEGI 7.4

CADANGAN 7.4A
CADANGAN 7.4B
CADANGAN 7.4C
CADANGAN 7.4D
CADANGAN 7.4E
CADANGAN 7.4F
CADANGAN 7.4G
CADANGAN 7.4H
CADANGAN 7.4J
CADANGAN 7.4K
CADANGAN 7.4L
CADANGAN 7.4M

SUB-STRATEGI 8.1

CADANGAN 8.1A
CADANGAN 8.1B
CADANGAN 8.1C

SUB-STRATEGI 8.2

CADANGAN 8.2A
CADANGAN 8.2B
CADANGAN 8.2C
CADANGAN 8.2D
CADANGAN 8.2E
CADANGAN 8.2F
CADANGAN 8.2G
CADANGAN 8.2H

SUB-STRATEGI 8.3

CADANGAN 8.3A
CADANGAN 8.3B
CADANGAN 8.3C
CADANGAN 8.3D

SUB-STRATEGI 8.4

CADANGAN 8.4A
CADANGAN 8.4B
CADANGAN 8.4C

SUB-STRATEGI 9.1

CADANGAN 9.1A
CADANGAN 9.1B
CADANGAN 9.1C
CADANGAN 9.1D
CADANGAN 9.1E
CADANGAN 9.1F
CADANGAN 9.1G
CADANGAN 9.1H
CADANGAN 9.1J
CADANGAN 9.1K

SUB-STRATEGI 9.2

CADANGAN 9.2A
CADANGAN 9.2B
CADANGAN 9.2C
CADANGAN 9.2D
CADANGAN 9.2E
CADANGAN 9.2F
CADANGAN 9.2G

SUB-STRATEGI 9.3

CADANGAN 9.3A
CADANGAN 9.3B

SUB-STRATEGI 9.4

CADANGAN 9.4A
CADANGAN 9.4B
CADANGAN 9.4C
CADANGAN 9.4D
CADANGAN 9.4E
CADANGAN 9.4F
CADANGAN 9.4G
CADANGAN 9.4H
CADANGAN 9.4J
CADANGAN 9.4K

SUB-STRATEGI 9.5

CADANGAN 9.5A
CADANGAN 9.5B
CADANGAN 9.5C

SUB-STRATEGI 10.1

CADANGAN 10.1A
CADANGAN 10.1B
CADANGAN 10.1C
CADANGAN 10.1D
CADANGAN 10.1E
CADANGAN 10.1F
CADANGAN 10.1G
CADANGAN 10.1H

SUB-STRATEGI 10.2

CADANGAN 10.2A
CADANGAN 10.2B

SUB-STRATEGI 10.3

CADANGAN 10.3A
CADANGAN 10.3B




STRATEGI 1: DIMENSI GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM




KETERANGAN ISU	SUB-STRATEGI DAN CADANGAN
----------------	---------------------------

- ISU PGT 1** Perancangan guna tanah yang tidak menyeluruh
- ISU PGT 2** Tapak pembangunan *brownfield* yang tidak diusahakan




- 5.1A** Cadangan Guna Tanah RTMPK 2035 (Penggantian)
- 5.1B** Cadangan Membangunkan Kawasan *Brownfield*
- 5.1C** Cadangan Menggalakkan Pembangunan TOD
- 5.1D** Cadangan Menggalakkan Aktiviti Pembangunan Bercampur
- 5.1E** Cadangan Penyediaan Blok Perancangan (BP) khusus terhadap pembangunan SMG.

- ISU PGT 3** Tekanan pembangunan
- ISU PGT 4** Ketidakselarasan dan ketidaksinambungan pembangunan antara guna tanah semasa dan sekitar




- 5.2A** Cadangan Had Pertumbuhan Bandar
- 5.2B** Cadangan Pengkalan Zon Pertanian Pada Tahap Minima 3,000 Hektar

- ISU PGT 5** Pembangunan bandar yang tidak seimbang
- ISU PGT 6** Rebakan pembangunan terutamanya di sekitar Bandar Klang dan Pelabuhan Klang



- 5.3A** Cadangan Hierarki Petempatan RTMPK 2035 (Penggantian)





PELAN 1: STRATEGI DIMENSI GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM

Petunjuk

- - - Kawasan RT
- Sempadan BP
- - - Sempadan BPK
- - - Sempadan PBT

Strategi Pembangunan

- Zon Tumpuan Perbandaran
- Zon Tumpuan Perindustrian
- Zon Pengeluaran Makanan

Zon Pemuliharaan & Pemeliharaan


- Hutan
- Sungai

Hierarki Bandar

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Tempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Aksesibiliti

- Lebuhraya Semasa
- Jalan Raya
- Laluan KTM
- Stesen KTM
- Laluan Lebuhraya Pantai Barat
- Laluan LRT 3



CADANGAN GUNA TANAH RTMPK 2035

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan Guna Tanah RTMPK 2035 dibuat berasaskan bajet tanah (*land budget*) berkaitan keperluan dan penyediaan tanah yang mencukupi pada sesuatu masa (biasanya lima (5) tahun) yang telah mengambilkira:

- i. Tren pembangunan semasa;
- ii. Potensi pembangunan Daerah Klang;
- iii. Strategi pembangunan RTMPK 2035;
- iv. Unjuran taburan penduduk menjelang 2035;
- v. Unjuran keperluan unit perumahan menjelang 2035; dan
- vi. Unjuran keperluan ruang perniagaan dan industri, infrastruktur dan kemudahan awam menjelang 2035.

Penyediaan bajet tanah (*land budget*) diperlukan untuk merancang penggunaan tanah yang optima. Kaedah ini juga dapat mengurangkan pembaziran ruang tanah di samping mengawal penawaran unit perumahan, ruang perniagaan dan industri yang berlebihan serta tanah yang mencukupi. Bagi memastikan perancangan guna tanah yang mampan dapat dicapai, cadangan guna tanah RTMPK 2035 juga mengambil kira faktor-faktor seperti keperluan bekalan makanan (*food security*), zon pembangunan KSAS, zon risiko bencana dan had sempadan bandar. Faktor-faktor ini di pertimbangkan dalam menentukan jenis guna tanah yang sesuai bagi sesuatu kawasan.


KOMPONEN PEMBANGUNAN

Jadual 1: Cadangan Guna Tanah RTMPK 2035 (Penggantian)

GUNA TANAH	KELUASAN (HEK)	PERATUS (%)
Kawasan Tepubina		
Perumahan	19,062.73	33.22
Komersial	2,922.53	5.09
Industri	9,145.74	15.94
Industri Khas		
Institusi & Kemudahan Masyarakat	1,043.85	1.82
Tanah Lapang & Rekreasi	581.99	1.01
Pengangkutan	4,311.21	7.51
Infrastruktur & Utiliti	1,121.63	1.95
Bukan Tepubina		
Pertanian	3,209.93	5.59
Hutan	14,738.41	25.69
Badan Air	1,241.98	2.16
JUMLAH	57,380.00	100.00

Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)


PERUBAHAN GUNA TANAH



Rajah 4: Perubahan Guna Tanah RTMPK (Pengubahan 4) 2020 dan RTMPK 2035


Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)





Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)

PELAN 2: CADANGAN GUNA TANAH RTMPK 2035





STRATEGI 2: DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING

SUB-STRATEGI
11

CADANGAN
33

KETERANGAN ISU

SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

ISU
KP 1

Hierarki perniagaan di kawasan RT masih di tahap rendah

ISU
KP 2

Kurang memberi perhatian terhadap aktiviti ekonomi penduduk setempat.

ISU
KP 3

Ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran

ISU
KP 4

Kekurangan kesinambungan antara pusat komersial sedia ada

ISU
KP 5

Kemudahan sokongan di kawasan komersial yang tidak mencukupi dan tidak diselenggara

ISU
KP 6

Kemudahan infrastruktur yang kurang lengkap

ISU
KP 7

Impak projek ad-hoc ke atas perancangan guna tanah

ISU
KP 8

Perancangan industri yang tidak menyeluruh, tidak terancang dan berselerak

ISU
KP 9

Kurang penekanan terhadap pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan

SUB-STRATEGI
6.1

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN AKTIVITI KOMERSIAL DI KAWASAN RT

SUB-STRATEGI
6.2

MENGUKUHKAN AKTIVITI KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJADI PEMANGKIN (CATALYST) PEMBANGUNAN

SUB-STRATEGI
6.3

MENYEDIAKAN KAWASAN KOMERSIAL YANG BERSEPADU DAN VIBRANT SERTA DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SOKONGAN

SUB-STRATEGI
6.4

MENGALAKKAN KESEDIAN DALAM ARUS DAN TREN INDUSTRI 4.0 DI KAWASAN RT

SUB-STRATEGI
6.5

MEWUJUDKAN RANTAIAN INDUSTRI YANG BERSESUAIAN DAN CEKAP DARI SEGI EKONOMI

6.1A

Pengukuhan Pusat Komersial Mengikut Hierarki Bandar

6.1B

Menggalakkan Pertumbuhan Aktiviti Komersial Bersederhana Kecil Serta Meningkatkan Penglibatan Penduduk Dalam Sektor Perniagaan Sebagai Sumber Ekonomi

6.2A

Pembangunan Universiti Maritim Bertaraf Antarabangsa

6.2B

Menggalakkan Pembangunan/Pelaburan Institusi Swasta Sebagai Pemboleh (*Enabler*) Ekonomi

6.3A

Pembangunan Komersial yang Bersepadu dan Terancang

6.3B

Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* Komersial yang terbiar

6.3C

Penambahbaikan dan Penyediaan Perkhidmatan dan Kemudahan Asas di Kawasan Komersial

6.4A

Menggalakkan K-Ekonomi di Pusat Pertumbuhan Strategi

6.4B

Menggalakkan Sektor Perniagaan Elektronik (E-Dagang)

6.5A

Cadangan Koridor Industri Berkelompok / Kluster

6.5B

Mengukuhkan Fungsi Pembangunan Klang sebagai Pusat Maritim Antarabangsa

Sambungan

- ISU PL 1** Pembangunan pelancongan yang tidak teratur
- ISU PL 2** Kurang kemudahan asas dan kemudahan sokongan aktiviti pelancongan

SUB-STRATEGI 6.6

MEMPERKASAKAN PELAN INDUK PELANCONGAN DI KAWASAN RT KLANG DEMI MEMASTIKAN IA BERDAYA MAJU DAN TERLAKSANA

- 6.6A** Pengezonan Kawasan Pelancongan Mengikut Jenis Produk Dan Kekuatannya
- 6.6B** Cadangan Menyediakan Pelan Induk Pelancongan Kawasan RT Klang
- 6.6C** Kemudahan Sokongan Pelancongan yang Menarik (Persekitaran Berkualiti)

- ISU PL 1** Pembangunan pelancongan yang tidak teratur
- ISU PL 2** Kurang promosi terhadap potensi pelancongan yang terdapat di kawasan RT

SUB-STRATEGI 6.7

MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN SEBARAN MAKLUMAT PRODUK PELANCONGAN DI KAWASAN RT KLANG AGAR IANYA LEBIH DIKENALI SECARA UMUM.

- 6.7A** Cadangan Penyediaan Pusat Informasi Pelancongan
- 6.7B** Mempromosikan Produk Pelancongan Melalui Saluran Media dan Digital
- 6.7C** Menggalakkan Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dengan Agensi Berkenaan dalam Mempromosikan Kawasan Tarikan Kawasan RT
- 6.7D** Menggalakkan Program-program Pelancongan untuk Mempromosikan Kawasan RT
- 6.7E** Memperkenalkan Produk Pelancongan di Kawasan RT Klang Secara Pakej

- ISU PL 3** Kekurangan nilai kehidupan budaya, warisan dan tradisi di perkampungan
- ISU PL 4** Kurang pembangunan produk pelancongan yang pelbagai

SUB-STRATEGI 6.8

MEMPERKASAKAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN, BUDAYA DAN BANDAR DIRAJA YANG DIPROMOSIKAN BERSEKALI DENGAN PRODUK TEMPATAN SEDIADA

- 6.8A** Memperkasakan Produk Pelancongan Warisan, Budaya & Bandar Diraja Sebagai Produk Pelancongan Utama di Kawasan RT Klang
- 6.8B** Memperkukuhkan Tarikan Produk Tempatan dengan Mengintegrasikannya Bersama Produk Pelancongan Warisan, Budaya & Bandar Diraja.

- ISU PL 6** Penyelenggaraan di kawasan pelancongan serta rupa bentuk bangunan

SUB-STRATEGI 6.9

MEMPERKENALKAN DAN MEMPERKUKUHKAN POTENSI PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN RT KLANG SECARA TERPERINCI DAN BERJAYA

- 6.9A** Memperkasakan Produk Pelancongan Pertanian dan Akuakultur
- 6.9B** Memperkasakan Produk Pelancongan Gastronomi dan Membeli-belah
- 6.9C** Memperkukuhkan Produk Pelancongan Alam Semula Jadi
- 6.9D** Penyediaan Muzium / Galeri Maritim di Kawasan RT
- 6.9E** Memperkenalkan Pelancongan Industri Berjadual Jenis Akademik




● ● ● Sambungan

ISU PPP 1 Tiada perancangan yang teratur dan sistematik bagi sektor pertanian di Klang

ISU PPP 2 Tiada perancangan yang teratur dan sistematik bagi sektor pertanian di Klang

ISU PPP 3 Kemerosotan kelestarian industri Akuakultur



6.10A Cadangan Perancangan Pembangunan Tanah Pertanian di Johan Setia

6.10B Menambahkan Keluasan 'Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

6.10C Mewujudkan Kawasan 'Taman Agroteknologi & Pusat Kecemerlangan Pertanian Bandar


6.10D Meningkatkan Pengeluaran Lembu Tenusu & Pedaging Secara Intensif

6.10E Mengekalkan & Meningkatkan Produktiviti & Kestarian Kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA)

ISU PPP 4 Kurang memberi perhatian terhadap aktiviti industri asas tani penduduk setempat


ISU PPP 5 Kawasan Pertanian yang Semakin Merundum

ISU PPP 6 Limpahan pembandaran di kawasan tanah pertanian luar bandar



6.11A Meningkatkan Aktiviti Nilai Tambah Melalui Industri Asas Tani


6.11B Meningkatkan Aktiviti Pertanian Bandar



Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)

PELAN 3: STRATEGI DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING

- | | | |
|---|---|---|
| <p>Petunjuk</p> <ul style="list-style-type: none"> - - - Kawasan RT — Sempadan BP - - - Sempadan BPK - - - Sempadan PBT <p>Hirarki Perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pusat Perniagaan Utama (central business district- CBD) ● Pusat Perniagaan Am ● Pusat Perniagaan Kejiranan ● Koridor Pertumbuhan dan Kawasan Pembangunan | <p>Guna Tanah Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Industri dan Komersial ● Pertanian ● Hutan ● Sungai ● Brownfield Komersial <p>Zon Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jajaran Laluan Mangrove Marathon ● Nod Pelancongan | <p>Zon Akuakultur</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Zon Industri Akuakultur ● Kebun Kerang <p>Aksesibiliti</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Lebuhraya Semasa ● Jalan Raya ● Laluan KTM ● Laluan Lebuhraya Pantai Barat ● Laluan LRT 3 |
|---|---|---|





STRATEGI 3: DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA



KETERANGAN ISU SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

KETERANGAN ISU	SUB-STRATEGI	CADANGAN
<p>ISU PRPD 1 Penyediaan perumahan bagi semua golongan dengan saiz isi rumah yang ideal</p> <p>ISU PRPD 2 Penempatan perumahan kos rendah di kawasan terpinggir</p>	<p>SUB-STRATEGI 7.1 MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA TEMPAT TINGGAL YANG MENCUKUPI DAN MAMPU MILIK</p>	<p>7.1A Pembangunan 19,000 unit Perumahan Mampu Milik (RMM)</p> <p>7.1B Pembangunan Semula Tapak Brownfield Perumahan</p>
<p>ISU PRPD 3 Kekurangan/ketiadaan kemudahan awam dan pembangunan yang khusus di kawasan perkampungan</p>	<p>SUB-STRATEGI 7.2 MEMASTIKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG TERKAWAL DAN TERANCANG SERTA MEMELIHARA CIRI WARISAN BUDAYA</p>	<p>7.2A Pengkalan Kampung Tradisi Sebagai Elemen Warisan Akan Datang Menerusi Penyediaan RKK</p> <p>7.2B Cadangan Pusat Petempatan Desa Melalui Penyediaan Kemudahan Berpusat</p>
<p>ISU PRPD 4 Penyelenggaraan bangunan perumahan berstrata</p>	<p>SUB-STRATEGI 7.3 MEMASTIKAN SUASANA KAWASAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI, SIHAT DAN BERDAYA HUNI</p>	<p>7.3A Menambahbaik Perumahan Mampu Milik (RMM) Sedia Ada</p>
<p>ISU KMK 1 Kemudahan masyarakat yang tidak diselenggara dengan baik dan tidak selamat</p> <p>ISU KMK 2 Penyediaan kemudahan masyarakat yang tidak menyeluruh</p> <p>ISU KMK 3 Kedapatan tanah yang terhad dan lokasi kemudahan masyarakat yang tidak strategik</p>	<p>SUB-STRATEGI 7.4 MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, SELAMAT DAN INKLUSIF</p>	<p>7.4A Penambahan Hospital dan Klinik Kesihatan Selaras dengan Unjuran Penduduk</p> <p>7.4B Penambahan Sekolah Menengah yang Selaras dengan Unjuran Penduduk</p> <p>7.4C Penambahan Sekolah Rendah yang Selaras dengan Unjuran Penduduk</p> <p>7.4D Penambahan Balai Bomba mengikut Unjuran Penduduk dan Keperluan Guna Tanah</p> <p>7.4E Penambahan Balai Polis Selaras dengan Unjuran Penduduk.</p> <p>7.4F Penambahan Dewan Serbaguna Selaras dengan Unjuran Penduduk</p>

● ● ● Sambungan

ISU
KMK 1


Kemudahan masyarakat yang tidak diselenggara dengan baik dan tidak selamat

ISU
KMK 2

Penyediaan kemudahan masyarakat yang tidak menyeluruh

ISU
KMK 3

Kedapatan tanah yang terhad dan lokasi kemudahan masyarakat yang tidak strategik



7.4G

Penambahan Masjid Selaras dengan Unjuran Penduduk

7.4H

Penambahan Rumah Ibadat Bukan Islam Selaras dengan Unjuran Penduduk

7.4J

Keperluan Rizab Perkuburan Selaras dengan Unjuran Penduduk

7.4K


Penambahan Kawasan Lapang Selaras dengan Unjuran Penduduk

7.4L

Cadangan Memajukan Rizab Kemudahan Awam Secara Lebih Fleksibel dan Bersesuaian

7.4M

Cadangan Memajukan Rizab Kemudahan Awam Secara Lebih Fleksibel dan Bersesuaian



PELAN 4: STRATEGI DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA

Petunjuk

- - - Kawasan RT
- Sempadan BP
- - - Sempadan BPK
- - - Sempadan PBT

Hierarki Bandar

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Tempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Guna Tanah Utama


- Industri dan Komersial
- Institusi dan Kemudahan Awam
- Hutan
- Sungai


Petempatan Utama

- Tapak Perumahan Awam
- Mampu Milik
- Sempadan Kampung Tradisi


Aksesibiliti

- Lebuhraya Semasa
- Jalan Raya
- Laluan KTM
- Laluan Lebuhraya Pantai Barat
- Laluan LRT 3





PELAN B4-5: CADANGAN LOKASI RUMAH MAMPU MILIK (RMM)





STRATEGI 4: DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI



KETERANGAN ISU

SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

ISU ASP 1

Kurang pelaksanaan bandar rendah karbon

ISU KMK 4

Kurang penekanan terhadap pembangunan kawasan lapang secara bersepadu

ISU LRB 1

Tiada ketetapan imej yang jelas untuk kawasan RT Klang

ISU LRB 2

Imej bandar yang kurang menarik dan kurang menonjol

ISU ASP 3

Kurang kesedaran terhadap penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar

ISU ASP 3

Kurang kesedaran terhadap penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar

SUB-STRATEGI 8.1

MENERAPKAN ELEMEN PEMBANGUNAN HIJAU DAN BANDAR RENDAH KARBON DI BANDAR-BANDAR UTAMA DALAM DAERAH KLANG

SUB-STRATEGI 8.2

MEMPERKUKUH IMEJ KAWASAN RT MENGIKUT KESESUAIAN SERTA FUNGSI SETEMPAT

SUB-STRATEGI 8.3

MEMELIHARA ALAM SEKITAR DAN SUMBERJAYA SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN

SUB-STRATEGI 8.4

MENINGKATKAN KUALITI PERSEKITARAN

8.1A

Cadangan Pengurusan Karbon

8.1B

Cadangan Menggalakkan Perumahan Kejiranan Hijau

8.1C

Cadangan Penyediaan Kawasan Lapang Berpusat di Klang Utara

8.2A

Perancangan Pembangunan Landskap dan Rekabentuk Bandar Kawasan RT

8.2B

Cadangan Membangunkan Kawasan Lapang Mengikut Hierarki & Identiti

8.2C

Cadangan Pengukuhan Imej dan Identiti Bandar Klang sebagai Bandar Warisan

8.2D

Cadangan Pengukuhan Imej Pekan Kapar dan Pekan Meru

8.2E

Cadangan Penanaman Pokok Mengikut Fungsi dan Lokasi yang Bersesuaian

8.2F

Cadangan Perletakan Gerbang / *Entrance Statement* di Sempadan Masuk Kawasan RT dan Pusat Bandar Klang

8.2G

Cadangan Pemeliharaan dan Guna Semula Bangunan Warisan

8.2H

Cadangan Latar Langit di Bandar-Bandar Utama Sekitar Klang

8.3A

Cadangan Penetapan Tahap KSAS

8.3B

Cadangan Kawalan Pembangunan Dan Pemantauan di Kawasan Berisiko Bencana

8.3C

Cadangan Kawalan Pembangunan Sekitar Kawasan Paya Bakau dan Sungai Secara Bersepadu

8.3D

Cadangan Melindungi Zon Industri Akuakultur dan IBA (*Important Biodiversity Area*)

8.4A


Cadangan Kawalan Pembangunan Aktiviti Perindustrian

8.4B

Cadangan Menggalakkan Pembangunan Industri Impak Rendah / Bersih

8.4C

Cadangan Meningkatkan Kualiti Air Sungai



PELAN 6: STRATEGI DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI

Petunjuk

- - - Kawasan RT
- Sempadan BP
- - - Sempadan BPK
- - - Sempadan PBT

Hierarki Bandar

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Tempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Tahap KSAS

- Tahap 1
- Tahap 2
- Tahap 3

Kawasan Berisiko


- Risiko Banjir
- Risiko Air Pasang Besar
- Risiko Kenaikan Paras Laut 1m
- Risiko Kebakaran Tanah Gambut
- Risiko Tanah Runtuh (>25°)
- Risiko Hakisan Pantai (Tahap 3)
- Kawasan Bebas Risiko

Laluan Masuk

- Gerbang / Laluan Masuk Kawasan RT
- Gerbang / Laluan Masuk Pusat Bandar Klang

Zon Pelindungan

- Zon Industri Akuakultur dan IBA
- Pelancongan Akuakultur
- Kebun Kerang
- Feri Penuwang





STRATEGI 5: DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN



KETERANGAN ISU

SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

- ISU PPA 1** Kesesakan Lalulintas
- ISU PPA 2** Kadar Kemalangan yang Tinggi
- ISU PPA 3** Keadaan jalan dan persimpangan yang merbahaya

SUB-STRATEGI 9.1
MEWUJUDKAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN YANG EFEKTIF DAN MENYELURUH

- 9.1A** Cadangan Cadangan Pembentukan Aksesibiliti Antara Wilayah
- 9.1B** Cadangan Penetapan Hierarki Jalan
- 9.1C** Cadangan Pembinaan Rangkaian Jalanraya Baru dan Persimpangan Baru
- 9.1D** Cadangan Menaiktaraf Jalanraya Utama Kepada Lebuhraya
- 9.1E** Cadangan Menaiktaraf Jalan-Jalan Utama
- 9.1F** Cadangan Menaiktaraf Persimpangan Jalan
- 9.1G** Cadangan Perletakan Had Ketinggian dari Memasuki Jalan Tempatan
- 9.1H** Cadangan Pembinaan Lorong Khas untuk Motosikal
- 9.1J** Cadangan Pembinaan Lorong Khas Bagi Kenderaan Berat
- 9.1K** Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Klang

- ISU PPA 4** Fasiliti Pengangkutan Awam dan Kemudahan Sokongan yang Kurang Menonjol
- ISU PPA 5** Sistem Pengangkutan Awam yang Tidak Bersepadu dan Tidak Menyeluruh

SUB-STRATEGI 9.2
MENINGKATKAN TAHAP KEBERKESANAN KEMUDAHAN SERTA SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

- 9.2A** Cadangan Rangkaian Pengangkutan Awam Bersepadu
- 9.2B** Cadangan Penambahan Pengangkutan Rel
- 9.2C** Cadangan Laluan Bus Rapid Transit (BRT)
- 9.2D** Cadangan Pengangkutan Air
- 9.2E** Cadangan Menyediakan Laluan Perkhidmatan Bas Pengantara
- 9.2F** Cadangan Hab Pengangkutan Multi Modal
- 9.2G** Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Klang

- ISU PPA 6** Laluan Pejalan Kaki dan Basikal yang Tidak Efisien


SUB-STRATEGI 9.3
MENYEDIAKAN DAN MENAIKARAF KEMUDAHAN PEJALAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL YANG SELESA DAN MENYELURUH

- 9.3A** Cadangan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki di Kawasan Tumpuan & Pusat Bandar Klang
- 9.3B** Cadangan Rangkaian Laluan Basikal Pusat Bandar Klang




● ● ● Sambungan

- ISU IU 1 Sistem Infrastruktur dan Utiliti yang Kurang Optimum
- ISU IU 2 Bekalan Air Bersih yang Semakin Berkurangan



- 9.4A Cadangan Membangunkan Loji Rawatan Air (LRA) yang Diintegrasikan dengan Kolum Tadahan.
- 9.4B Cadangan Penjanaan Sumber Air Alternatif
- 9.4C Cadangan Menggalakkan Penyediaan *Rainwater Harvesting*
- 9.4D Cadangan Penggunaan *Compact Modular Sewerage Treatment Plant*
- 9.4E Cadangan Pembangunan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Di Klang Utara
- 9.4F Cadangan Menaiktaraf Struktur Jalan Tumpuan Utama Kenderaan Berat
- 9.4G Cadangan Pusat Pengasingan Sisa Pepejal dan Pusat Kitar Semula
- 9.4H Cadangan Pembangunan Sistem Bekalan Elektrik
- 9.4J Cadangan Menaiktaraf Perkhidmatan Telekomunikasi
- 9.4K Cadangan Penjanaan Tenaga Alternatif / Tenaga Boleh Diperbaharui

- ISU IU 3 Banjir Kilat
- ISU IU 4 Fenomena Air Pasang Besar



- 9.5A Cadangan Pelan Induk Pengurusan Sistem Tebatan Banjir
- 9.5B Cadangan Menaiktaraf Parit di Sepanjang Jajaran Jalan
- 9.5C Cadangan Penyediaan Sistem Amaran Banjir



PELAN 7: STRATEGI DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN (PENGANGKUTAN)

Petunjuk

- - - Kawasan RT
- Sempadan BP
- - - Sempadan BPK
- - - Sempadan PBT

Sistem Pengangkutan Jalan

- Jalan Lingkaran Luar
- Jalan Lingkaran Dalam
- - - Cadangan Jalan Baru
- - - Cadangan Laluan Lebuhraya Pantai Barat
- Jalanraya Semasa


Sistem Pengangkutan Awam


- Laluan KTM
- Cadangan Laluan LRT 3
- Cadangan Sambungan KTM
- Penumpang (Pelabuhan Klang – Pulau Indah)
- Cadangan Sambungan KTM (Serendah – Pelabuhan Klang – Seremban)
- Cadangan Sambungan LRT (Bukit Tinggi – Bandar Sultan Sulaiman)
- Cadangan Sambungan LRT (Johan Setia - Nilai)
- Cadangan Laluan BRT (Kuala Lumpur - Klang)
- Cadangan Laluan BRT (Bandar Klang – Kapar – Meru)

- Cadangan Laluan Smart - BRT
- Laluan Pengangkutan Air

Stesen Pengangkutan Awam


- Stesen KTM Komuter
- Stesen LRT 3 (Dalam Pembinaan)
- Jeti Penumpang
- Cadangan Jeti (Water Taxi)
- Hub Pengangkutan Multi Modal





PELAN 8: STRATEGI DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN (INFRASTRUKTUR)

- Petunjuk**
- - - Kawasan RT
 - Sempadan BP
 - - - Sempadan BPK
 - - - Sempadan PBT
- Sistem Pengangkutan Jalan**
- Jalan Lingkaran Luar
 - Jalan Lingkaran Dalam
 - - - Cadangan Jalan Baru
 - - - Cadangan Laluan
 - Lebuhraya Pantai Barat
 - Jalanraya Semasa
- Infrastruktur dan Utiliti**
- Laluan Rentis
 - 🌳 Pusat Pengasingan Sisa Pepejal dan Pusat Kitar Semula
 - 🌊 Loji Rawatan Air
 - 🌸 Sumber Bekalan Air
 - 🗑️ Loji Rawatan Kumbahan
 - 👁️ Serantau
 - 🚧 Kawasan Tembatan Banjir
- Kawasan Liputan Telekomunikasi**
- 🟡 Kawasan Liputan Tier 1
 - 🟢 Kawasan Liputan Tier 2





STRATEGI 6: DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF



KETERANGAN ISU

ISU PPL 1

Pengkhususan tugas yang kurang mantap dan pengurusan yang kurang cekap

ISU PPL 2

Pelaksanaan perancangan yang kurang tersusun

ISU PPL 3

Pelaksanaan Agenda Kemampunan MPK yang tidak menyeluruh

ISU PPL 4

Kurang penglibatan pihak swasta dan penduduk dalam perancangan pembangunan

ISU PPL 5

Maklumat tidak dapat disalurkan secara menyeluruh kepada penduduk Klang

ISU PPL 6

Sistem kawalan dan pelaksanaan perancangan pembangunan yang kurang mantap

SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

SUB-STRATEGI 10.1

MENINGKATKAN TAHAP KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN BADAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN MPK

10.1A

Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Pelaksanaan RTMPK

10.1B

Pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) Secara Bersepadu

10.1C

Pemantauan Kemampunan (MURNInets)

10.1D

Penaiktarafan Klang Sebagai Bandaraya yang Cekap dan Berkesan

10.1E

Pelaksanaan Agenda Kemampunan MPK Sepenuhnya

10.1F

Pemantapan dan Pengukuhan Nilai Integriti dalam Budaya Kerja Serta Produktiviti Warga MPK

10.1G

Pengukuhan Keupayaan Tenaga Kerja dan Tenaga Kewangan Jabatan Perancangan MPK

10.1H

Memperkasakan Peranan Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran Terhadap Pelaksanaan RT

SUB-STRATEGI 10.2

MENGALAKKAN PENGLIBATAN AGENSI BERKEPENTINGAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPK

10.2A

Pengukuhan Program R&D dan Kajian Inovasi

10.2B

Peningkatan Keterlibatan Komuniti dan Lain Pihak Berkepentingan

SUB-STRATEGI 10.3

MENINGKATKAN AKSES PENCAPAIAN ORANG AWAM TERHADAP DATA DAN MAKLUMAT BERKAITAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPK

10.3A

Pelaksanaan Sepenuhnya DPMS (*Development Project Management System*)

10.3B

Pemrosesan Cadangan Pemajuan Secara Dalam Talian Sepenuhnya Menjelang 2020



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Mula ditubuhkan pada bulan Mei 1890 yang ketika itu dikenali sebagai Lembaga Kesihatan Klang. Menaiktaraf kepada Lembaga Bandaran Klang pada tahun 1945 selepas kawasannya digabungkan dengan Port Swettenham pada 1926 dan terus maju menjadi Majlis Bandaran Klang pada 1954 dan Majlis Daerah Klang pada 1975, hasil gabungan dengan Pelabuhan Klang, Kapar dan Meru. Bermula tahun 1977, Majlis Daerah Klang dinaiktaraf menjadi Majlis Perbandaran Klang sehingga kini.

